

SPRUMS anjur program Jom Kenali SPR UMS

48 9.11.2017 A12

KOTA KINABALU: Program Jom Kenali SPR UMS dan Program Workshop Pengurusan Majlis dan Imej Anti Rasuah dianjurkan oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) disertai oleh Ahli-ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah.

Program ini dijalankan pada 28 Oktober 2017 bertempat di Dewan Kuliah Pusat Ke-2 Universiti Malaysia Sabah (DKP 27).

Program Jom Kenali SPR UMS ini adalah program yang dianjurkan oleh SPR UMS pada setiap tahun pada awal semester baru pengajian. Program ini bertujuan mengambil ahli baharu bagi SPR UMS dan seterusnya memperkenalkan SPR UMS kepada semua ahli baharu berkenaan dengan SPR UMS ini.

Sementara itu, program Workshop Pengurusan Majlis dan Imej Anti Rasuah ini bertujuan memberi pendedahan kepada semua ahli baharu dan juga semua



ANTARA peserta yang menyertai Program Jom Kenali SPR UMS.

ahli SPR UMS yang terlibat berkenaan pengurusan sesuatu majlis ataupun program dengan menjemput penceramah jemputan yang sememangnya mahir dalam bidang pengurusan majlis dan pengucapan awam.

Program Jom Kenali SPR UMS dimulakan dengan slot pengenalan SPR UMS yang disampaikan oleh Neriza Canda yang merupakan Ketua Sekretariat SPR UMS.

Seterusnya, program ini juga dihadiri oleh Penyelaras SPR UMS dari bahagian Pendidikan dan Masyarakat

SPRM Negeri Sabah iaitu Janet @ Tay Ling Ling yang berkongsi mengenai penubuhan awal SPRM dan seterusnya menyampaikan ceramah berkaitan rasuah.

Seterusnya bagi Workshop Pengurusan Majlis dan Imej Anti Rasuah disampaikan oleh Norazmi Haris dengan tajuk ceramah yang menarik iaitu Pengucapan Awam dan Pengurusan Majlis.

Program ini sangat penting bagi SPR UMS dan merupakan program tahunan SPR UMS. Ini kerana, sangat penting bagi semua ahli

SPR UMS khususnya ahli baharu untuk mengetahui mengenai SPR UMS dan sedikit sebanyak pengetahuan tentang Pengurusan Majlis.

Diakhir program ini, semua peserta yang terlibat jelas dan mendapat maklumat berkenaan SPR UMS disamping mendapat ilmu yang sangat berguna berkaitan pengurusan majlis yang disampaikan oleh penceramah yang sememangnya mahir dalam bidang Pengucapan Awam dan Pengurusan Majlis sama ada formal mahupun tidak formal.



SEBAHAGIAN lagi peserta program anjuran Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS.